



Ogilvy Public Relations Worldwide

**Client:** Emery Oleochemicals  
**Date:** 10 March 2011

**Size:** 9cm x 16.5cm  
**AD Value:** RM 2,227.50  
**PR Value:** RM 6,682.50

**Publication:** Berita Harian  
**Headline:** Emery Oleochemicals terbit sukuk RM480j

## Emery Oleochemicals terbit sukuk RM480j

**E**MERY Oleochemicals (Malaysia) Sdn Bhd, pengeluar bahan tambahan polimer teknologi hijau terbesar di dunia, akan menerbitkan sukuk atau bon Islam bernilai sehingga RM480 juta untuk membiayai sebahagian pelaburan bagi pengembangan operasinya.

Ketua Eksekutifnya, Kongkrapan Intarajang, berkata ia termasuk tiga projek yang akan dilaksanakan syarikat itu di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Tiga projek ETP membolehkan pelaburan RM416.2 juta itu ialah bagi pengeluaran bahan pelincir bio serta bahan tambahan polimer teknologi hijau dalam usaha merencanakan perniagaan hiliaran minyak sawit negara.

"Ia merangkumi pembinaan kilang pengeluaran bahan tambahan polimer baru di Teluk Panglima Garang yang akan dikomersialkan pada suku ketiga tahun ini khusus bagi memenuhi peningkatan permintaan pasaran di Asia.

"Kilang dengan kapasiti menghasilkan 15,000 hingga 30,000 tan setahun itu bakal menjadi kilang bahan tambahan polimer hijau pertama di luar Jerman," katanya pada

Persidangan dan Pameran Minyak Sawit dan Laurik 2011 di Kuala Lumpur, semalam.

Emery Oleochemicals Malaysia adalah syarikat usaha sama 50:50 antara antara Sime Darby Plantation Sdn Bhd dan PTT Chemical International Pte Ltd.

Kongkrapan berkata, terbitan sukuk itu akan diurus atur bersama oleh Maybank dan HSBC Malaysia.

Beliau berkata, projek pengembangan operasi syarikat itu yang lain termasuk menjalin kerjasama penyelidikan dan pembangunan dengan Platinum Energy untuk mencipta bahan tambahan plastik baru.

Emery Oleochemicals juga, katanya akan membina kilang melalui usaha sama dengan AK ChemTech Co Ltd dari Korea dijangkakan beroperasi menjelang akhir 2012 atau awal 2013 bertujuan mengembangkan portfolio produk khusus oleo bernilai tinggi.

AK ChemTech anak syarikat Aekyung Group dari Korea, peneraju dalam pasaran penjagaan kesihatan rumah dan peribadi yang memiliki keupayaan pembangunan produk berasaskan oleokimia.